

# Dasar tak serius di SJK sukarkan usaha kuasai bahasa Melayu

## Kementerian perlu tambahkan masa subjek BM di sekolah Cina, Tamil

### Laporan khas

**S**ELEPAS sekian lama negara mencapai kemerdekaan, isu memartabatkan Bahasa Melayu sesuai dengan kedudukannya Bahasa Kebangsaan terus menjadi antara paling hangat diperdebatkan dalam masyarakat Malaysia.

Dalam kegigihan kerajaan mempromosikan gagasan 1Malaysia contohnya, isu berkenaan masih menjadi antara penghalang untuk memastikan ia dapat dihayati dengan lebih pantas ke segenap lapisan masyarakat.

Paling ketara ialah jumlah waktu pengajaran dan pembelajaran subjek Bahasa Malaysia di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) yang memberi gambaran seolah-olah ia sekadar memenuhi syarat saja.

Hakikatnya, bukankah Bahasa Melayu yang dikategorikan sebagai salah satu ejen perpaduan, malah layak diangkat sebagai ejen terpenting dalam menyatupadukan semua kaum di negara ini wajar diberi perhatian lebih serius jika mahu konsep 1Malaysia itu benar-benar direalisasikan.

Malangnya, sejak puluhan tahun sistem persekolahan di negara ini yang menggunakan konsep pelbagai aliran, Bahasa Malaysia boleh dikatakan hanya diajar sebagai satu subjek peperiksaan dan tidak terlalu diberi penekanan di SJK, dengan buktinya tempoh pengajaran terlalu singkat yang diperuntukkan untuk subjek itu.

Berdasarkan sistem pendidikan sedia ada, Bahasa Malaysia hanya diajar dalam tempoh singkat di SJK iaitu 180 minit seminggu bagi tahap dua (tahun empat hingga enam) dan 270 minit bagi tahap satu (tahun satu hingga tiga) sedangkan tempoh pengajaran di sekolah kebangsaan (SK) hampir dua kali ganda lebih banyak (300 minit untuk tahap satu dan 360 minit untuk tahap dua).

Justeru, beberapa tokoh akademik mahu kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran lebih serius mengangkat martabat Bahasa Kebangsaan dengan menjadikannya sebagai salah satu subjek paling utama di semua peringkat persekolahan terutama di SJK yang selama ini menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar dalam semua mata pelajaran.

Antaranya, tokoh akademik dan sejarah, Prof Emeritus Tan Sri Dr Khoo Kay Kim, berkata apa yang berlaku sekarang dalam sistem pendidikan negara agak pelik kerana pelajar di SJK yang kebanyakan masa mereka bertutur dalam bahasa ibunda termasuk menjadi bahasa pengantar di sekolah hanya diperuntukkan sedikit masa mempelajari Bahasa Malaysia.

"Terbalik jadinya. Di SK, penganter Bahasa Melayu tetapi subjek itu pula banyak. Ia sekali gus memantapkan penguasaan dalam bahasa itu, tambahan pula kebanyakan mereka orang Melayu.

Di SJK, sudahlah kebanyakan mereka Cina atau India, bertutur dalam bahasa ibunda dan semua subjek pun guna bahasa ibunda, bagaimana mereka nak kuasai Bahasa Melayu jika tempohnya terlalu singkat.

"Memang diakui masyarakat Cina dan India mahu budaya mereka dipertahankan tetapi tidakkah mereka sedar bahawa menghadkan kebolehan berbahasa menyebabkan kesan tidak elok untuk masa depan anak mereka terutama menghadapi alam pekerjaan dan mewujudkan jurang besar dalam perpaduan."



**Memang diakui masyarakat Cina dan India mahu budaya mereka dipertahankan tetapi tidakkah mereka sedar bahawa menghadkan kebolehan berbahasa menyebabkan kesan tidak elok untuk masa depan anak mereka terutama menghadapi alam pekerjaan dan mewujudkan jurang besar dalam perpaduan"**  
**Prof Emeritus Dr Khoo Kay Kim**  
Tokoh akademik dan Sejarah

Melayu sangat penting dan mereka perlu akur bahawa jumlah penggunaan bahasa itu di SJK perlu diperbanyakkan sama ada dalam tempoh pengajaran atau aktiviti seharian dalam masyarakat mahupun sekolah," katanya.

Beliau berkata, apa yang perlu dilakukan ialah menambah tempoh pengajaran Bahasa Malaysia di SJK dan jika ia mustahil dilaksanakan, aktiviti berkaitan penguasaan bahasa itu perlu diperbanyakkan dan diberi penekanan lebih serius.

"Kenapa lagi nak perbanyak guna bahasa ibunda di SJK kerana kehidupan mereka sudah dikelilingi bahasa yang sama. Sepatutnya, aktiviti di sekolah banyak guna Bahasa Melayu, baru ia seimbang.

"Wajibkan banyak aktiviti dalam Bahasa Melayu seperti pertandingan pantun, puisi dan apa saja yang boleh memperkayakan kemahiran berba-



**"Sekarang, ramai sangat orang Cina dan India tak mahir berbahasa Melayu. Sejak awal 1990-an, lebih 90 peratus anak Cina belajar di SJK. Ia menyebabkan minda mereka sukar menerima perpaduan yang dilaungkan. Di SJK pula, Bahasa Malaysia hanya satu keperluan lulus peperiksaan"**  
**Prof Dr Teo Kok Seong**  
Felo Penyelidik Utama, Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia

hasa di kalangan murid Cina dan India.

Jika boleh, waktu pengajaran Bahasa Malaysia ditambah dan kurangkan penggunaan bahasa ibunda," katanya lagi.

Felo Penyelidik Utama, Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Dr Teo Kok Seong, pula berkata meskipun konsep satu sistem persekolahan dianggap mustahil dilaksanakan di negara ini, perlu diakui ia adalah jalan terbaik mewujudkan perpaduan dan bertepatan dengan konsep 1Malaysia.

"Tak ada negara di dunia amalkan sistem seperti negara kita yang mana ada beberapa sistem persekolahan. Negara lain pun banyak kaum dan pelbagai etnik tetapi berjaya juga laksana satu sistem persekolahan dan tak pula berlaku perbalahan dalam melaksanakannya.

"Namun, jika sudah terbukti memang ia tak mungkin dapat dilaksanakan, Kementerian tetap perlu melakukan sesuatu untuk memantapkan dan memartabatkan penggunaan Bahasa Melayu secara optimum di semua peringkat terutama di SJK.

"Jika tempoh pengajaran tak boleh ditambah, guna Bahasa Melayu dalam subjek lain seperti Pendidikan Seni, Sivik dan Jasmani.

Nak guna dalam subjek teras seperti Matematik dan Sains mungkin susah sebab ramai sangat kelompok ekstrem yang tak mahu terima," katanya.

Beliau berkata, mungkin cadangan itu jika dilaksanakan akan menimbulkan banyak bantahan tetapi masyarakat Cina dan India perlu banyak berkorban jika mahu melihat perpaduan terbina dengan sempurna di negara ini.

Katanya, jika sistem sedia ada terus diamalkan tanpa ada sebarang rombakan drastik, perpaduan yang diharapkan itu takkan dapat dicapai dan generasi muda akan terus kekal dalam jati diri nasional dengan haluan berbeza, tak sepakat dalam pendekatan 1Malaysia.

"Apa guna bercakap pasal perpaduan dan semangat nasional jika tak pandai menggunakan Bahasa Kebangsaan dengan baik.

"Sekarang, ramai sangat orang Cina dan India tak mahir berbahasa Melayu.

"Apa lagi, sejak awal 1990-an, lebih 90 peratus anak Cina belajar di SJK. Ia menyebabkan pemikiran dan minda mereka tertutup dan sukar menerima perpaduan yang dilaungkan. Di SJK pula, Bahasa Malaysia hanya satu keperluan lulus peperiksaan," katanya.

Dalam isu ini, beliau menyalahkan kerajaan dalam kegagalan memartabatkan Bahasa Melayu secara serius dengan buktinya menurunkan syarat lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan sekaradulus Bahasa Malaysia sedangkan satu ketika dulu pelajar perlu mendapat kepujian da-



PEMANTAPAN Bahasa Melayu di SJK perlu kerana bahasa adalah ejen paling utama dalam menyatupadukan semua kaum di negara ini.

lam subjek itu.

"Bukti lain, kereta nasional yang sepatutnya menjadi ejen promosi Bahasa Kebangsaan juga sudah dianggap gagal. Jika dulu, jenamanya menggunakan Bahasa Melayu seperti Wiru dan Satria, kini ia jadi Gen2, Neo, Savvy dan Exora. Ia bukti Bahasa Malaysia tak dipertahankan," katanya.

Pro Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tan Sri Yahaya Ibrahim, turut bersetuju bahawa pemantapan Bahasa Melayu di SJK perlu kerana bahasa adalah satu ejen paling utama dalam menyatupadukan semua kaum di negara ini.

"Apa yang penting bukanlah kaedah atau tempoh pengajaran tetapi bahan yang digunakan.

Sepatutnya, semua sekolah dibekalkan dengan bahan bacaan yang lebih menarik dengan pelbagai pilihan. Murid perlu disuntik keinginan untuk menguasai bahasa itu sendiri melalui kaedah itu.

"Bagaimanapun, jika kerajaan serius mengenai perpaduan, bersempena dengan laungan 1Malaysia, ia adalah tempoh paling tepat melaksanakan satu sistem persekolahan saja di negara ini tanpa mengetepikan budaya masyarakat lain," katanya.